

100 pelajar UMS sertai program pembangunan

Petronas

DE 10.12.13 7

KOTA KINABALU: Petronas telah menganjurkan Program 'Pembangunan Pelajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) minggu lepas bertujuan membangunkan daya kepemimpinan pelajar dan membantu mempersiapkan mereka untuk memasuki pasaran pekerjaan.

Seramai 100 pelajar terlibat dalam program selama dua hari yang berlangsung pada 3-4 Disember yang dianjurkan dengan kerjasama UMS dan dikendalikan oleh Petronas Leadership Centre (PLC).

Ia mengandungi empat modul yang merangkumi topik seperti kepelbagaian budaya di tempat kerja, nilai positif di tempat kerja, bagaimana berhadapan dengan pelbagai peringkat dalam struktur sesebuah organisasi dan perkara-perkara yang berkaitan dengan penjenamaan diri.

Pengurus Besar Pejabat Petronas Wilayah Sabah dan Labuan Julita Ontol, dalam ucapannya, berkata program itu dirangka bagi membantu pelajar membangunkan daya kepemimpinan dan kompetensi yang diperlukan apabila mereka memasuki alam pekerjaan.

"Kesemua ciri-ciri ini akan menjadi aset yang tidak ternilai apabila anda semua menamatkan pengajian dan memasuki pasaran pekerjaan," katanya.

Timbalan Naib Canselor UMS (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Profesor Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur mengalu-alukan inisiatif berkenaan.

"Melalui program ini, pelajar didedahkan dengan budaya kerja, komunikasi, penjenamaan diri dan kod perilaku dalam usaha melahirkan siswazah yang serba boleh," katanya dalam ucapan yang disampaikan Pengarah Pusat Alumni UMS Profesor Madya Dr Mahmud Sudin.